

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Tarikh: <tarikh>

### Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk ini menyediakan maklumat penting tentang insurans berkaitan pelaburan anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca Lembaran Pendedahan Produk ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

### 1 Apa itu M-Fortune Link?

M-Fortune Link ialah pelan tanpa penyertaan yang menawarkan gabungan insurans perlindungan dan pelaburan. Pelan ini menyediakan perlindungan bagi Kematian atau Kehilangan Upaya Menyeluruh dan Kekal. Pelan ini juga menyediakan Manfaat Ihsan, Perlindungan Terjamin selama 3 tahun, Auto-Disambungkan Tempoh Polisi dan Manfaat Matang.

### 2 Ketahui Perlindungan/Manfaat-Manfaat Anda

**Sebagai ilustrasi**, bagi **RM3,114.00\*** secara tahunan, anda akan menerima **perlindungan** seperti yang berikut:  
*\*Premium yang ditunjukkan adalah terpakai untuk lelaki berumur 30 tahun pada hari jadi berikutnya yang tidak merokok, dengan tempoh polisi selama 50 tahun, Jumlah Asas Diinsuranskan sebanyak RM500,000 dan risiko piawai.*

Kematian	<b>RM500,000</b> ditambah Nilai Akaun.
Kehilangan Upaya Menyeluruh dan Kekal	<b>RM500,000</b>
Manfaat Ihsan	<b>RM5,000</b> akan dibayar apabila berlaku kematian.
Manfaat Matang	Nilai Akaun.
Perlindungan Tambahan	Ini adalah perlindungan tambahan yang anda boleh pilih bersama dengan pelan ini: 1. Critical illnessProtect 2. CI Waiver Plus 3. M-LifeCare 4. CI Multi Shield (dengan/tanpa Manfaat Pemulihan Kanser) 5. I-Linked LadyCare Rider 2 (dengan/tanpa Manfaat Kehamilan) 6. I-Linked PA Rider 2 7. I-Linked Hospital Benefit Rider 2 8. M-MedEssential 9. M-MedPro

Insurans berkaitan pelaburan anda **tidak termasuk**:

- Kematian akibat bunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan semasa dalam keadaan siuman atau tidak siuman dalam tempoh 13 bulan dari tarikh pengeluaran polisi atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana lebih kemudian;
- Kematian atau Kehilangan Upaya Menyeluruh dan Kekal akibat pertarungan, melakukan, cubaan melakukan perbuatan menyalahi undang-undang atau mencetuskan serangan atau jenayah atau sebarang bentuk pelanggaran undang-undang; dan
- Kehilangan Upaya Menyeluruh dan Kekal yang sedia ada pada tarikh pengeluaran polisi atau pada tarikh penguatkuasaan semula.

**Nota:** Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda harus rujuk kepada kontrak polisi bagi senarai pengecualian yang penuh.

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MCIS Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

MCIS Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans berkaitan pelaburan anda, anda boleh:



Hubungi  
03-7652 3388



Layari  
[M-Fortune Link](#)



Emel  
[customerservice@mcis.my](mailto:customerservice@mcis.my)

### 3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Bagi insurans berkaitan pelaburan anda, anda harus membayar premium sebanyak:

Premium Asas <sup>1</sup>	<jumlah premium> secara <kekerapan> bagi Jumlah Asas Diinsuranskan sebanyak <jumlah> Caj-caj Insurans yang diilustrasikan di dalam Ilustrasi Produk dikenakan ke atas risiko piawai.
Premium Tambah Nilai Pelaburan Tahun Pertama Polisi	<jumlah>
Tempoh Polisi <sup>2</sup> : <tempoh> tahun	Tempoh Pembayaran Premium <sup>3</sup> : <tempoh> tahun
MCIS Insurance Berhad memperuntukkan sebahagian daripada Premium Dibayar <sup>4</sup> untuk pembelian unit-unit dalam dana(-dana) berkaitan pelaburan pilihan anda.	

Premium Dibayar <sup>4</sup> yang diperuntukkan untuk pembelian unit-unit	Tahun Pertama Polisi: <peratusan> daripada Premium Dibayar <sup>4</sup> atau <jumlah>. Sila Rujuk Ilustrasi Produk untuk butiran lanjut.
<b>Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj yang berikut:</b>	
Komisen	<peratusan> daripada jumlah Premium Dibayar <sup>4</sup> atau <jumlah komisen>. Sila rujuk Ilustrasi Produk untuk butiran lanjut.

<sup>1</sup> Premium Asas merujuk kepada hasil jumlah Premium Berkala dan Premium Tambah Nilai Berkala.

<sup>2</sup> Tempoh Polisi yang ditunjukkan di sini akan auto-disambungkan sehingga Hayat yang Diinsuranskan berumur 100 tahun pada hari jadi berikutnya. Tempoh Polisi sebenar adalah sehingga Hayat yang Diinsuranskan berumur 80 tahun pada hari jadi berikutnya, dengan syarat Pemilik Polisi memilih untuk menyahaktifkan Auto-Disambungkan Tempoh Polisi. Jika Pemilik Polisi tidak menyahaktifkan Auto-Disambungkan Tempoh Polisi, Tempoh Polisi akan auto-disambungkan sehingga Hayat yang Diinsuranskan berumur 100 tahun pada hari jadi berikutnya.

<sup>3</sup> Tempoh Pembayaran Premium yang ditunjukkan di sini akan auto-disambungkan sehingga Hayat yang Diinsuranskan berumur 100 tahun pada hari jadi berikutnya. Tempoh Pembayaran Premium sebenar adalah sehingga Hayat yang Diinsuranskan berumur 80 tahun pada hari jadi berikutnya, dengan syarat Pemilik Polisi memilih untuk menyahaktifkan Auto-Disambungkan Tempoh Polisi. Jika Pemilik Polisi tidak menyahaktifkan Auto-Disambungkan Tempoh Polisi, Tempoh Pembayaran Premium akan auto-disambungkan sehingga Hayat yang Diinsuranskan berumur 100 tahun pada hari jadi berikutnya.

<sup>4</sup> Premium Dibayar merujuk kepada hasil jumlah Premium Asas dan Premium Tambah Nilai Pelaburan.

#### Jadual Auto-Disambungkan Tempoh Polisi

Alternatif-alternatif terpakai yang anda boleh pertimbangkan ditunjukkan dalam jadual di bawah:

	Alternatif 1	Alternatif 2	Alternatif 3
<b>Jangka Masa Tempoh Polisi</b>	Perlindungan sehingga umur 80 tahun pada hari jadi berikutnya	Perlindungan sehingga umur 80 tahun pada hari jadi berikutnya + auto-sambungan sehingga umur 100 tahun pada hari jadi berikutnya	Perlindungan sehingga umur 100 tahun pada hari jadi berikutnya
<b>Premium Tahunan yang Perlu Dibayar<sup>5</sup></b>	<jumlah premium> yang perlu dibayar dari umur <tahun> tahun pada hari jadi berikutnya sehingga umur 79 tahun pada hari jadi berikutnya	<jumlah premium> yang perlu dibayar dari umur <tahun> tahun pada hari jadi berikutnya sehingga umur 79 tahun pada hari jadi berikutnya <jumlah premium> yang perlu dibayar dari umur 80 tahun pada hari jadi berikutnya sehingga umur 99 tahun pada hari jadi berikutnya <sup>6</sup>	< jumlah premium> yang perlu dibayar dari umur <tahun> tahun pada hari jadi berikutnya sehingga umur 99 tahun pada hari jadi berikutnya <sup>6</sup>

<sup>5</sup> Ini ialah anggaran premium tahunan yang harus anda bayar di bawah alternatif-alternatif yang berbeza. Ia dikira berasaskan unjuran kemampuan.

<sup>6</sup> Jika premium ini lebih tinggi daripada premium yang dibayar di bawah Alternatif 1, perbezaan di antara premium ini dengan premium di bawah Alternatif 1 akan menjadi Premium Tambah Nilai Berkala.

Sila rujuk Ilustrasi Produk untuk butiran lanjut.

#### 4 Terma Penting Lain

- Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubahan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin mengalami risiko tuntutan anda ditolak atau polisi anda ditamatkan.
- Terma polisi dan Caj-caj Insurans mungkin berbeza bergantung pada keperluan pengunderaitan oleh MCIS Insurance Berhad.
- Caj-caj Insurans dan caj-caj lain yang berkenaan adalah tidak dijamin. MCIS Insurance Berhad berhak untuk mengubah Caj-caj Insurans dan caj-caj lain yang berkenaan dengan memberikan 90 hari notis bertulis dahulu.
- Nilai Akaun bagi pelan insurans berkaitan pelaburan bergantung kepada prestasi dana(-dana) pilihan anda. Pulangan ke atas dana berkaitan pelaburan adalah tidak dijamin.
- Bagi memaksimumkan Nilai Akaun, anda boleh menambah nilai Premium Tambah Nilai Pelaburan anda pada bila-bila masa.
- Tempoh tangguh 30 hari bagi kekerapan pembayaran premium bulanan dan 45 hari bagi kekerapan pembayaran premium lain adalah terpakai.
- Pelan insurans berkaitan pelaburan anda akan luput apabila Nilai Akaun tidak mencukupi untuk membayar Caj-caj Insurans dan caj-caj lain. Ini tidak terpakai jika terma dan syarat Perlindungan Terjamin selama 3 Tahun dalam tempoh 3 Tahun Polisi pertama dipenuhi.
- Jika anda tidak membayar premium, Caj-caj Insurans bulanan dan Yuran Polisi akan terus ditolak daripada Nilai Akaun. Polisi ini tidak akan dibatalkan akibat kegagalan membayar premium selagi Nilai Akaun mencukupi untuk menampung Caj-caj Insurans bulanan dan Yuran Polisi.
- Anda boleh mendapatkan maklumat mengenai prosedur tuntutan dan borang-borang yang berkenaan dengan menghubungi MCIS Insurance Berhad.
- Anda dinasihatkan untuk menamakan seorang penama(-penama) bagi pelan ini dan memastikan penama(-penama) anda sedar tentang pelan insurans yang telah anda beli.
- Jika anda bertukar polisi anda daripada satu syarikat insurans kepada yang lain atau bertukar daripada satu jenis pelan insurans kepada yang lain, anda mungkin dikenakan terma dan syarat baharu bagi pelan insurans baharu atau oleh syarikat insurans baharu.

**Nota:** Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda harus rujuk kepada kontrak polisi bagi senarai terma dan syarat yang penuh.

#### ? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada MCIS Insurance Berhad.

- Tempoh Bertenang:** Anda boleh membatalkan Polisi anda dalam tempoh 15 hari dari tarikh penghantaran Polisi. MCIS Insurance Berhad akan membayar balik kepada anda premium yang tidak diperuntukkan, Nilai Akaun dan sebarang Caj-caj Insurans dan Yuran Polisi yang telah ditolak, tolak dengan sebarang perbelanjaan perubahan yang ditanggung.
- Selepas Tempoh Bertenang:** Jika anda membuat keputusan untuk tidak meneruskan Polisi anda selepas tempoh bertenang, anda boleh penyerahan dengan menulis kepada MCIS Insurance Berhad. Selepas menerima permintaan penyerahan, MCIS Insurance Berhad akan membayar Nilai Akaun ditolak sebarang keterhutangan.